

HELAIAN KETERANGAN PRODUK (Sila baca Helaiian Keterangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan memilih Takaful Amani Plus. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat di dalam Sijil Takaful ini.)	PRODUK : TAKAFUL AMANI PLUS DIUNDERAIT OLEH: TAKAFUL IKHLAS BERHAD Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia Tarikh: 01/01/2018				
1) Produk apakah ini? Pelan ini diperkenalkan secara eksklusif untuk pelanggan-pelanggan Bank Rakyat di mana ianya menyediakan jaminan kewangan terhadap kematian / hilang upaya akibat semulajadi dan juga kerugian akibat kemalangan diri setiap masa di mana sahaja di seluruh dunia. Kematian / hilang upaya akibat semulajadi merujuk kepada yang diakibatkan oleh penyakit atau bukan diakibatkan oleh kemalangan tertakluk kepada pengecualian. Kerugian akibat kemalangan merujuk kepada pampasan sekiranya berlaku kecederaan, hilang upaya atau kematian yang disebabkan oleh keganasan, kemalangan, musibah luar kawalan dan bencana. Musibah mestilah disebabkan semata-mata oleh kemalangan, tertakluk kepada pengecualian. Ini adalah pelan setahun produk Takaful berkelompok dengan 3 pelan pilihan yang menawarkan kombinasi perlindungan di bawah Group Term Takaful (GTT) dan Group Personal Accident (GPA).					
2) Apakah konsep Syariah yang diguna pakai? <table border="1" data-bbox="194 1099 1493 1308"> <tr> <td data-bbox="194 1099 360 1196">Tabarru'</td> <td data-bbox="360 1099 1493 1196">Bermaksud derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama di kalangan Peserta-peserta dan akan digunakan untuk membantu Peserta yang ditimpa musibah. Di dalam konteks Takaful IKHLAS, Tabarru' akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko.</td> </tr> <tr> <td data-bbox="194 1196 360 1308">Wakalah</td> <td data-bbox="360 1196 1493 1308">Merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (muwakkil) membenarkan pihak lain sebagai ejen (wakil) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks Takaful IKHLAS, kontrak wakalah melibatkan yuran (wakalah bi al-ujrah) yang dibayar kepada Takaful IKHLAS.</td> </tr> </table>		Tabarru'	Bermaksud derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama di kalangan Peserta-peserta dan akan digunakan untuk membantu Peserta yang ditimpa musibah. Di dalam konteks Takaful IKHLAS, Tabarru' akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko.	Wakalah	Merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (muwakkil) membenarkan pihak lain sebagai ejen (wakil) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks Takaful IKHLAS, kontrak wakalah melibatkan yuran (wakalah bi al-ujrah) yang dibayar kepada Takaful IKHLAS.
Tabarru'	Bermaksud derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama di kalangan Peserta-peserta dan akan digunakan untuk membantu Peserta yang ditimpa musibah. Di dalam konteks Takaful IKHLAS, Tabarru' akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko.				
Wakalah	Merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (muwakkil) membenarkan pihak lain sebagai ejen (wakil) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks Takaful IKHLAS, kontrak wakalah melibatkan yuran (wakalah bi al-ujrah) yang dibayar kepada Takaful IKHLAS.				

3) Apakah perlindungan-perindungan / manfaat-manfaat yang ditawarkan?

1. Terdapat 3 pilihan pelan seperti berikut:

MANFAAT TAKAFUL	PELAN A (RM)	PELAN B (RM)	PELAN C(RM)
GPA			
Kematian / Hilang Keupayaan Kekal akibat kemalangan	150,000	100,000	50,000
Elaun Hospital akibat Kemalangan (sehari sehingga 30 hari, tertakluk kepada kemasukan ke wad minimum selama 2 hari)	150	100	50
Perbelanjaan Perubatan akibat Kemalangan	3,000	2,000	1,000
Fi Ambulan akibat Kemalangan	600	400	200
Perbelanjaan Pengkebumian akibat Kemalangan	3,000	2,000	1,000
Badal Haji (jika kematian disebabkan Kemalangan)	1,500	1,500	1,500
GTT			
Kematian/ Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) akibat semulajadi	30,000	20,000	10,000
Penyakit Kritikal (Manfaat dipercepatkan)	15,000	10,000	5,000
Perbelanjaan Serta-merta Kematian akibat semulajadi	3,000	2,000	1,000
Badal Haji (jika kematian akibat semulajadi)	1,500	1,500	1,500

Nota: Sila rujuk kepada Skala Pampasan bagi Kematian dan HUMK di dalam Sijil Takaful Induk. Tempoh perlindungan adalah untuk satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan Takaful anda pada setiap tahun. Bagi bukan Islam, manfaat Badal Haji akan dibayar sebagai tambahan kepada manfaat Perbelanjaan Pengkebumian/ Perbelanjaan Serta-merta Kematian.

2. Berikut disenaraikan keterangan manfaat yang ditawarkan:

MANFAAT TAKAFUL	KETERANGAN
GPA	
Kematian / Hilang Keupayaan Kekal akibat Kemalangan	Kematian / Hilang Keupayaan Kekal Orang yang Dilindungi yang sematamata dan secara langsung disebabkan oleh Kemalangan yang mengakibatkan kecederaan luar yang parah dan nyata (termasuk akibat secara langsung daripada pendedahan kepada elemen tersebut) dan tidak termasuk penyakit, parasit, jangkitan virus atau bakteria atau sebarang keadaan semula jadi atau proses degeneratif; dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar kejadian tersebut.
Elaun Hospital akibat Kemalangan (Min. 2 hari, Maksimum 30 hari)	Elaun harian untuk tempoh seperti yang dinyatakan, berkuat kuasa daripada tarikh kemasukan Orang yang Dilindungi ke mana-mana hospital kerajaan/swasta akibat daripada Kemalangan.
Perbelanjaan Perubatan akibat Kemalangan	Pembayaran balik kos sebenar perbelanjaan perubatan yang ditanggung untuk rawatan Kecederaan Tubuh Badan akibat Kemalangan sehingga jumlah seperti yang tertera di atas (maksimum dan jumlah keseluruhan).
Fi Ambulan akibat Kemalangan	Pembayaran balik kos sebenar fi ambulan, sehingga jumlah seperti yang tertera di atas, akan dibayar disebabkan kemalangan.
Perbelanjaan Pengkebumian akibat Kemalangan	Sekiranya Orang Yang Dilindungi meninggal dunia, pihak Syarikat akan membayar manfaat seperti yang dinyatakan di atas, sekiranya bukti yang memuaskan diterima.
Badal Haji (jika kematian disebabkan Kemalangan)	Semasa kematian Orang Yang Dilindungi, pihak Syarikat akan membayar manfaat Badal Haji kepada penama. Bagi yang bukan Islam, manfaat ini akan dibayar sebagai tambahan kepada manfaat Perbelanjaan Pengkebumian.
GTT	
Kematian /HUMK akibat Semulajadi	Semasa kematian / HUMK Orang Yang Dilindungi akibat semulajadi, amaun perlindungan akan dibayar kepada Pemegang Sijil Takaful Induk.
Penyakit Kritikal (manfaat dipercepatkan)	<ul style="list-style-type: none"> Jika Orang Yang Dilindungi disahkan menghidap mana-mana dari Penyakit Kritikal yang dilindungi yang didefinisikan di dalam Sijil Takaful Induk, amaun perlindungan akan dibayar kepada Pemegang Sijil Takaful Induk.

	<ul style="list-style-type: none"> Manfaat perlindungan bagi Sijil Takaful Induk kemudiannya akan dikurangkan mengikut jumlah bayaran yang dibuat ke atas Sijil Takaful Induk ini.
Perbelanjaan Serta-merta Kematian akibat semulajadi	Sekiranya Orang Yang Dilindungi meninggal dunia, pihak Syarikat akan membayar manfaat seperti yang dinyatakan di atas, sekiranya bukti yang memuaskan diterima.
Badal Haji (jika kematian akibat semulajadi)	Semasa kematian Orang Yang Dilindungi, pihak Syarikat akan membayar manfaat Badal Haji kepada penama. Bagi yang bukan Islam, manfaat ini akan dibayar sebagai tambahan kepada manfaat Perbelanjaan Serta-Merta Kematian.

3. Senarai 36 jenis Penyakit Kritikal yang dilindungi adalah seperti berikut:

Senarai 36 Jenis Penyakit Kritikal			
1	Strok/Angin Ahmar – mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom- simptom klinikal berterusan	19	Transplan Organ Utama/Sumsum Tulang
2	Serangan Jantung – keterukan tertentu	20	Hilang Keupayaan Bertutur
3	Kegagalan Buah Pinggang – memerlukan dialisis atau transplan buah pinggang	21	Pembedahan Otak
4	Kanser – keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal	22	Pembedahan Injap Jantung
5	Pembedahan Pintasan Arteri Koronari	23	Kehilangan upaya hidup sendiri (berdikari)
6	Penyakit Arteri Koronari Serious	24	Meningitis Bakteria – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
7	Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari	25	Trauma Kepala Major (teruk) – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
8	Kegagalan Hati Tahap Akhir	26	Anemia Aplastik Kronik – mengakibatkan Kegagalan Kekal Sumsum Tulang
9	Hepatitis Viral Fulminan	27	Penyakit Neuron Motor – defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan
10	Koma – mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal yang berterusan	28	Penyakit Parkinson – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
11	Tumor Otak Benign – keterukan tertentu	29	Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk
12	Kelumpuhan Anggota	30	Distrofi Otot
13	Buta – Kekal dan Tidak boleh Pulih	31	Pembedahan Aorta
14	Pekak – Kekal dan Tidak boleh pulih	32	Sklerosis Multipel
15	Kelecuran Tahap Ketiga – keterukan tertentu	33	Hipertensi Arteri Pulmonari Primer – keterukan tertentu
16	Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah	34	Penyakit Sistik Medular
17	Penyakit Paru-paru Tahap Akhir	35	Kardiomiopati – keterukan tertentu
18	Ensefalitis – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian	36	Lupus Eritematosus Sistemik Dengan Komplikasi Buah Pinggang Yang Teruk

Nota: Sila baca Sijil Takaful Induk untuk butiran Manfaat Takaful.

4) Berapakah jumlah Sumbangan Takaful yang perlu dibayar?

Jumlah Sumbangan Takaful Kasar yang anda perlu bayar adalah berbeza bergantung kepada jenis pelan seperti yang tertera di bawah:

Pelan	PELAN A	PELAN B	PELAN C
GPA : Sumbangan Takaful Tahunan untuk seorang	RM159.00	RM106.00	RM53.00
GTT : Sumbangan Takaful Tahunan untuk seorang	RM101.00	RM 69.00	RM 37.00
Jumlah Sumbangan Takaful	RM260.00	RM175.00	RM90.00

Nota: sumbangan takaful di atas termasuk 6% Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP)

5) Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang perlu dibayar?

Caj-caj yang dikenakan adalah seperti berikut:

Jenis	GPA	GTT
Yuran Wakalah • Komisen • Perbelanjaan Pengurusan	60% daripada Sumbangan Takaful • 25% daripada Sumbangan Takaful • 35% daripada Sumbangan Takaful	50% daripada Sumbangan Takaful • 10% daripada Sumbangan Takaful • 40% daripada Sumbangan Takaful
CBP	6% daripada Sumbangan Takaful	6% daripada Sumbangan Takaful**
Duti setem	RM10.00	RM10.00
Yuran pembatalan	RM10.00 + CBP	-

** Nota: Untuk GTT, CBP hanya terpakai untuk manfaat Penyakit Kritikal

6) Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu diketahui?

- Pendedahan maklumat – anda dikehendaki mendedahkan semua maklumat dan fakta seperti umur, pekerjaan dan keadaan kesihatan dengan betul. Takaful IKHLAS mempunyai hak untuk menolak pembayaran tuntutan jika anda didapati gagal untuk mendedahkan maklumat yang relevan yang akan mempengaruhi keputusan untuk menerima atau menolak risiko, dan tentang peruntukan-peruntukan yang akan ditetapkan pada anda.
- Tempoh Bertenang (Hak untuk Pembatalan) – Dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh Sijil Takaful Induk diterima, Peserta Takaful Induk boleh memulangkan Sijil Takaful Induk kepada Takaful IKHLAS dan Takaful IKHLAS akan membatalkannya serta-merta selepas penerimaannya dan akan memulangkan semula Sumbangan Takaful selepas ditolak perbelanjaan perubatan (pengunderaitan perubatan akan dikenakan untuk umur 60 tahun dan e atas sahaja) yang ditanggung Takaful Ikhlas. Apabila Sijil Takaful Induk dipulangkan kepada Takaful IKHLAS dan dibatalkan oleh Takaful IKHLAS ianya akan dianggap tidak berkuat kuasa dari tarikh ianya dikeluarkan.
- Adalah penting untuk anda menerima resit dan meymipannya sebagai bukti pembayaran Sumbangan Takaful.
- Jika anda tidak menerima Sijil Takaful selepas empat belas (14) hari dari tarikh penyertaan, sila hubungi kami.
- Notis tuntutan haruslah dibuat secara bertulis kepada Takaful IKHLAS dalam masa tiga puluh (30) hari selepas berlakunya kejadian yang mengakibatkan tuntutan. Setelah notis tuntutan dikemukakan, Takaful IKHLAS akan memberikan borang-borang berkaitan kepada pihak yang melakukan tuntutan bagi menfailkan bukti tuntutan serta memaklumkan pihak yang menuntut akan keperluan-keperluan lain yang mungkin diperlukan. Walaubagaimanapun, ini tidak akan menghalang Takaful IKHLAS dari meminta dokumen yang selanjutnya mengenai tuntutan tersebut sekiranya didapati perlu. Kesemua maklumat dan bahan bukti ini hendaklah dikemukakan kepada Takaful IKHLAS dalam tempoh sembilan puluh (90) hari daripada tarikh berlakunya peristiwa-peristiwa yang dilindungi.

Nota: Senarai ini tidak muktamad. Sila rujuk Sijil Takaful Induk untuk terma-terma dan syarat-syarat di bawah Sijil Takaful Induk ini.

7) Apakah pengecualian-pengecualian utama yang terdapat di dalam Sijil Takaful ini?

Pengecualian-pengecualian utama bagi GPA

Pengecualian seperti sijil Takaful kecuali dinyatakan secara khusus / dinyatakan sebaliknya :

- Peperangan, keganasan, tidak siuman, bunuh diri, kecacatan fizikal atau mental sedia wujud, jangkitan bakteria atau virus, penyakit, kehamilan, melahirkan, keguguran, serangan pembunuhan yang dimulakan oleh Orang Yang Dilindungi, pelanggaran Undang-Undang Sivil atau Syariah, hilang keupayaan kekal atau kecederaan yang sedia wujud, penyalahgunaan alkohol/dadah.
- Semasa mengendalikan atau menunggang kenderaan bermotor beroda dua sebagai sukan, semasa menggunakan jentera kerja-kayu yang menggunakan kuasa mekanikal, semasa dalam penerbangan atau melibatkan diri dalam aktiviti udara kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang.
- Kerugian yang timbul dari melibatkan diri dalam memburu, mendaki gunung, mendaki di kawasan yang terpencil yang berlesen, hoki ais, bermain polo, lumba kuda berhalang, mencuci menara, kapal layar, aktiviti menyelam, aktiviti payung terjun, terjun lelabah atau sebarang sukan terjun udara, aktiviti-aktiviti di bawah air, perlumbaan, sukan/permainan profesional.
- AIDS atau penyakit kompleks berkaitan AIDS (ARC)
- Pengionan, radiasi oleh pencemaran radioaktif, senjata nuklear;
- Penyakit, rawatan perubatan atau pembedahan (kecuali akibat daripada kecederaan), hernia.
- Sebarang perlakuan yang melanggar Undang-undang Sivil atau Syariah dan prinsip-prinsipnya oleh Orang Yang Dilindungi
- Sering melibatkan diri dalam apa-apa pekerjaan, sukan, hobi atau aktiviti yang berisiko
- Yang timbul daripada sebarang aktiviti haram dari tindakan Pihak Berkuasa Kerajaan termasuk rampasan,

penyitaan, kemusnahan dan sekatan; daripada kehilangan atau kerosakan peralatan yang disewa atau dipajak; menguji apa-apa jenis kenderaan.

- j) Pekerjaan berikut: - Tentera, pertahanan awam, penguatkuasa undang-undang, pemadam kebakaran, pengawal keselamatan, anak kapal, krew kapal, anak kapal pelantar minyak, penyelam, nelayan, perlombongan, pembalakan, kilang papan, letupan atau kuari yang terlibat dengan bahan letupan, beracun gas / berbahaya, cecair atau bahan, aktiviti luar pesisir, yang melibatkan perancah, gondola, tali / kabel, aktiviti luar pesisir menyelam itu, perlombongan, penggerudian

Pengecualian-pengecualian bagi GTT atas Kematian akibat semulajadi

Jika Orang Yang Dilindungi, sama ada waras atau tidak, cuba untuk membunuh diri di dalam tempoh satu tahun bermula pada Tarikh Efektif, meninggal dunia disebabkan virus Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau penyakit yang disebarkan secara seksual, atau meninggal dunia akibat dari Keadaan Sedia Wujud sepertimana yang ditakrif dalam Sijil Takaful, tiada manfaat akan dibayar.

Pengecualian-pengecualian utama diguna pakai untuk penyakit kritikal

Sijil Takaful ini tidak melindungi sebarang penyakit kritikal yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, keseluruhannya atau sebahagiannya, oleh mana-mana satu daripada kejadian yang berikut:

- Peperangan, penaklukan, ancaman musuh luar, permusuhan atau operasi-operasi berbentuk peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan ataupun tidak) atau perang saudara; atau
- Pemberontakan, rusuhan awam, pemberontakan tentera atau orang awam, insureksi, penentangan, revolusi, perintah berkurung atau darurat atau apa-apa jua peristiwa ataupun penyebab yang boleh menentukan pengisytiharan ataupun penyelenggaraan perintah berkurung ataupun darurat; atau
- Sebarang keadaan sedia ada sebelum penerimaan perlindungan.

Nota: Senarai ini bukan senarai yang lengkap. Sila rujuk Sijil Takaful Induk untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah Sijil Takaful ini.

8) Bolehkah saya membatalkan Sijil Takaful ini?

Anda boleh membatalkan Sijil Takaful Induk ini dengan menyerahkan notis bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, Pemegang Sijil Induk berhak untuk mendapat manfaat serahan bersamaan dengan sumbangan bersih yang belum diperolehi (untuk GTT) dan pulangan Sumbangan Takaful pro-rata bagi Tempoh Takaful yang belum berkuat kuasa (untuk GPA). Tiada bayaran balik Sumbangan Takaful dibenarkan sekiranya anda telah membuat tuntutan di bawah Sijil Takaful.

9) Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk dihubungi?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

10) Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan informasi tambahan mengenai Takaful keluarga atau Takaful kemalangan diri, sila rujuk kepada buku panduan *insuranceinfo* untuk "Takaful Keluarga" dan "Takaful Kemalangan Diri". Anda boleh memperolehinya di www.insuranceinfo.com.my

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai **Takaful Amani Plus** sila hubungi kami di:

Takaful Ikhlas Berhad

Jabatan Pengurusan Perhubungan Pelanggan
IKHLAS Point Tower 11A | Avenue 5 Bangsar South | No. 8 Jalan Kerinchi | 59200 Kuala
Tel: 03-2723 9999 | Faks: 03-2723 9998
Laman sesawang : www.takaful-ikhlas.com.my
Emel: ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my

11) Produk seumpama yang boleh didapati

Sila hubungi cawangan Bank Rakyat yang terdekat untuk maklumat lanjut

NOTA PENTING:

PENYERTAAN DI DALAM PELAN TAKAFUL KELUARGA ADALAH MERUPAKAN KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA HARUS MEMILIH JENIS PELAN YANG BENAR-BENAR BERSESUAIAN DENGAN KEHENDAK ANDA. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL ANDA ATAU MENGHUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT SELANJUTNYA.

MENURUT PERENGGAN 5 DARIPADA JADUAL 9 AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM 2013, JIKA ANDA MEMOHON PRODUK TAKAFUL INI SEPENUHNYA UNTUK TUJUAN YANG TIDAK BERKAITAN PERDAGANGAN, PERNIAGAAN ATAU PROFESION ANDA, ANDA MEMPUNYAI KEWAJIPAN UNTUK MENGAMBIL LANGKAH PENJAGAAN MUNASABAH UNTUK TIDAK MEMBUAT SALAH NYATAAN SEMASA MENJAWAB SOALAN-SOALAN DALAM BORANG CADANGAN (ATAU APABILA ANDA MEMOHON UNTUK PRODUK INI). ANDA DIKEHENDAKI MENJAWAB SOALAN-SOALAN DENGAN LENGKAP DAN TEPAT.

KEGAGALAN UNTUK MENGAMBIL PENJAGAAN MUNASABAH DALAM MENJAWAB SOALAN-SOALAN MUNGKIN MENGAKIBATKAN PEMBATALAN SIJIL TAKAFUL ANDA, PENOLAKAN ATAU PENGURANGAN TUNTUTAN, PERUBAHAN TERMA ATAU PENAMATAN SIJIL TAKAFUL ANDA.

KEWAJIPAN PENDEDAHAN DI ATAS ADALAH BERTERUSAN SEHINGGA SIJIL TAKAFUL ANDA DIBUAT, DIUBAH ATAU DIPERBAHARUI DENGAN KAMI.

SEBAGAI TAMBAHAN KEPADA SOALAN-SOALAN DI DALAM BORANG CADANGAN (ATAU APABILA ANDA MEMOHON UNTUK PRODUK INI), ANDA DIKEHENDAKI UNTUK MENDEDAHKAN APA-APA PERKARA LAIN YANG ANDA TAHU SEBAGAI BERKAITAN KEPADA KEPUTUSAN KAMI UNTUK MENERIMA ATAU TIDAK RISIKO INI DAN MENENTUKAN KADAR TERMA YANG HENDAK DIPAKAI.

ANDA JUGA MEMPUNYAI KEWAJIPAN UNTUK SEGERA MEMBERITAHU KAMI SEKIRANYA SETELAH SIJIL TAKAFUL ANDA DIBUAT, DIUBAH, ATAU DIPERBAHARUI DENGAN KAMI, APA-APA MAKLUMAT YANG DINYATAKAN DI DALAM BORANG CADANGAN (ATAU APABILA ANDA MEMOHON UNTUK TAKAFUL INI) TIDAK TEPAT ATAU TELAH BERUBAH.

Informasi yang disediakan dalam helaian keterangan produk ini adalah sah pada 01/01/2018